

Insentif Cukai Untuk Syarikat Peluang Yang Mesti Direbut Oleh Para Usahawan

DALAM keluaran yang lepas kita telah membincangkan bajet 2007 yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri. Untuk keluaran kali ini kita akan membincangkan secara khusus insentif cukai yang terdapat dalam Akta Cukai Pendapatan (ACP 1967). Seperti yang kita sedia maklum banyak entiti perniagaan yang ditubuhkan atas entiti Sendirian Berhad atau Berhad.

Secara ringkasnya, seorang usahawan yang ingin memulakan perniagaan mempunyai pilihan untuk mendaftarkan perniagaan mereka sebagai perniagaan perseorangan (*sole proprietor*), perkongsian atau menubuhkan syarikat terhad (*limited company*). Untuk tujuan percukaian, secara umumnya, penubuhan syarikat terhad adalah menguntungkan jika mengambil kira kadar cukai korporat sebanyak 20% untuk keuntungan yang tidak melebihi RM500,000. Di sini kita gariskan beberapa pengetahuan berkenaan cukai dan insentif yang boleh dinikmati oleh syarikat terhad.

Aset Tetap

Para usahawan perlu mengetahui bahawa susut nilai aset tetap tidak dibenarkan ditolak daripada pendapatan kasar perniagaan, oleh itu pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) telah membenarkan elaun modal sebagai ganti. Elaun modal merupakan potongan tahunan ke atas aset tetap yang dibenarkan seperti loji, mesin, jentera, bangunan industri, kenderaan, komputer termasuk perisian dan lain-lain alat yang digunakan dalam perniagaan. Elaun modal pula terdiri daripada elaun permulaan, elaun tahunan dengan kaedah pengiraan yang berbeza. Bagi aset sewa-beli termasuk kaedah kewangan Islam, elaun modal hanya boleh dituntut apabila bayaran dibuat. Sekiranya anda menyewa aset dan menggunakannya bagi tujuan perniagaan, sewa tersebut adalah dibenarkan. Bagi kenderaan, perbelanjaan modal yang layak untuk menuntut elaun modal adalah terhad. Maksimum amaun bagi kenderaan

bukan komersial adalah RM100,000 dengan syarat kenderaan itu adalah baru dan kos kenderaan tersebut tidak melebihi RM150,000. Bagi kos kenderaan melebihi RM150,000, belanja yang layak adalah RM50,000. Syarat untuk layak mendapat tuntutan elaun modal adalah pemilik mestilah masih memiliki aset tersebut pada akhir tempoh asas bagi tahun taksiran yang berkenaan.

Perbelanjaan

Secara amnya, setiap perbelanjaan yang terlibat langsung dalam proses penghasilan pendapatan akan diberi pelepasan sebagai perbelanjaan (s.33 ACP 1967). Contohnya gaji dan upah, bayaran bil elektrik dan sebagainya yang berkaitan dengan perniagaan. S.33 menjelaskan bahawa perbelanjaan modal tidak boleh dianggap sebagai belanja yang boleh mengurangkan pendapatan. Contohnya pembelian aset tetap dan susut nilai aset tetap tidak dibenarkan tetapi pihak LHDN memperuntukkan elaun modal sebagai gantian susut nilai.

Hutang Lapuk

Peniaga yang menjual barangan atau menyediakan perkhidmatan secara kredit atau hutang akan menghadapi masalah memungut hutang tersebut daripada pelanggan. Bagi



Bersama
ENCIK SALIHIN ABANG
CA (M), CFP, ATII, B.ACC (IIUM)
Asna Tax Services Sdn Bhd
www.salihin.com.my



• Banyak entiti perniagaan yang ditubuhkan atas entiti Sendirian Berhad atau Berhad – Gambar Hiasan

hutang yang tidak dapat dipungut langsung bagi tempoh asas untuk sesuatu tahun taksiran akan dikategorikan sebagai hutang lapuk.

Hutang lapuk spesifik boleh dibenarkan dalam pengiraan cukai pendapatan. Jika sekiranya hutang lapuk itu dapat dipungut semula maka ia dianggap sebagai hutang lapuk dipulihkan. Hutang lapuk dipulihkan semula ini akan dianggap sebagai pendapatan kasar dalam tahun asas bagi tahun taksiran berikut.

Keraian

Seperti yang kita sedia maklum perbelanjaan keraian adalah satu komponen perbelanjaan yang tidak dapat dielakkan dalam perniagaan. Perbelanjaan keraian untuk pelanggan dan pengedar adalah keperluan dalam perniagaan. Sebelum tahun taksiran 2004, perbelanjaan ini tidak dibenarkan ditolak daripada pendapatan kasar perniagaan. Namun, pada tahun taksiran 2004, belanja keraian adalah dibenarkan tetapi tidak kesemua belanja keraian adalah dibenarkan. Belanja keraian yang dibenarkan sepenuhnya adalah seperti:

- Keraian bagi individu yang akan meningkatkan jualan perniagaan.
- Keraian bagi pekerja.
- Contoh barangan produk bagi tujuan promosi.
- Keraian untuk mempromosikan perniagaan kepada orang awam.
- Logo perniagaan.

Selain dari yang di atas, hanya 50% dari belanja keraian tersebut yang dibenarkan.

Keyman Insurance

Setiap syarikat atau perniagaan akan mempunyai orang penting (*keyman*) yang merupakan penyumbang terbesar dan terpenting dalam perniagaan. Sekiranya berlaku kecelakaan atau kemalangan terhadap individu tersebut, ini akan menjejaskan perniagaan. Oleh itu, syarikat akan membiayai insurans bagi individu tersebut untuk mendapatkan



• Produk pertanian boleh mendapat pengecualian bagi penambahan eksport – Gambar Hiasan

pampasan bagi kerugian pendapatan perniagaan yang dialami. Polisi yang disediakan oleh syarikat kepada individu ini dibenarkan ditolak daripada pendapatan kasar perniagaan, namun pampasan yang diterima akan dianggap sebagai pendapatan perniagaan dan akan dikenakan cukai.

Sewa Harta

Undang-undang telah menetapkan 6 kategori pendapatan utama termasuk pendapatan, dividen, faedah atau diskaun, sewa, royalti atau premium. Dalam sesetengah keadaan, sewa, dividen dan faedah boleh dianggap sebagai pendapatan perniagaan walaupun ia mempunyai kategori yang tersendiri. Ada beberapa sebab atau kelebihan sekiranya

sewa boleh dianggap pendapatan perniagaan memandangkan peraturan mengurangkan belanja lebih fleksibel. Sekiranya terdapat kerugian terlaras, ia boleh dihapus kira dengan pendapatan lain pada tahun yang sama atau bawa ke hadapan sedangkan kerugian sewa tidak boleh dihapus kira.

Belanja modal yang melibatkan loji dan mesin dan bangunan tertentu bagi tujuan sewa boleh dituntut jika sumbernya adalah pendapatan perniagaan sedangkan ia tidak boleh dituntut jika sewa itu adalah pendapatan pelaburan.

Kereta

Kebanyakan peniaga akan menggunakan kenderaan persendirian di dalam perniagaan dan menganggap ia sebagai perbelanjaan perniagaan walaupun peniaga tersebut telah dikenakan cukai di atas kegunaan persendirian. Segala perbelanjaan atas kenderaan boleh dianggap sebagai belanja perniagaan termasuk faedah jual beli kenderaan dan elaun modal juga boleh dituntut walaupun terhad kepada RM50,000 atau RM100,000. Namun begitu, tuntutan elaun modal adalah terhad kepada kadar atau pembahagian antara penggunaan persendirian dan penggunaan perniagaan. Ini adalah lebih baik daripada mempunyai kenderaan untuk kegunaan sendiri sahaja.

Syarikat yang berskala kecil juga dibenarkan untuk memohon status perintis untuk beberapa aktiviti termasuk pengeluaran komponen bagi syarikat besar atau untuk tujuan import



• Sewa boleh dianggap pendapatan perniagaan – Gambar Hiasan

Kadar Cukai Pendapatan Syarikat

Pada masa ini kadar cukai pendapatan syarikat adalah 28%. Bagi syarikat kecil dan sederhana yang mempunyai modal berbayar tidak melebihi RM2.5 juta, kadar cukainya adalah 20% ke atas pendapatan ber-cukai sehingga RM500,000 dan pendapatan selebihnya pada kadar 28%. Namun bermula tahun taksiran 2007 kadar cukai pendapatan adalah 27% termasuk bagi syarikat kecil dan sederhana.

Insentif Bagi Aktiviti dan Barangan yang Digalakkan

Dalam Akta Galakan Pelaburan 1986, segala insentif yang dipohon mestilah mendapat kelulusan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Insentif utama yang diberikan adalah status perintis (*pioneer status*) dan elaun cukai pelaburan (*investment tax allowance – 'ITA'*). Aktiviti dan barangan yang digalakkan adalah berubah dari semasa ke semasa. Antara aktiviti dan barangan yang digalakkan adalah perkilangan, pengeluaran pertanian dan produk, hotel dan perniagaan perlancongan, dan industri perfileman. Insentif juga diberikan kepada aktiviti dan barangan yang dipromosikan bagi kawasan yang digalakkan, Labuan, syarikat yang berteknologi tinggi dan syarikat

berskala kecil. Selain itu ia diberikan kepada syarikat yang berstatus Koridor Raya Multimedia (*Multimedia Super Corridor – 'MSC'*) dan juga syarikat yang terlibat dalam aktiviti penyelidikan. Antara kawasan yang digalakkan adalah kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang termasuk daerah Mersing, Johor, Sabah, Sarawak dan Labuan.

Syarikat yang berskala kecil juga dibenarkan untuk memohon status perintis untuk beberapa aktiviti termasuk pengeluaran komponen bagi syarikat besar atau untuk tujuan import. Insentif bagi status perintis adalah berdasarkan pendapatan sedangkan elaun pelaburan cukai adalah

Produk pengilangan dan pertanian boleh mendapat pengecualian bagi penambahan eksport. Pengecualian ini boleh dituntut oleh syarikat residen yang terlibat dalam pengilangan atau kegiatan pertanian

berdasarkan perbelanjaan modal. Bagi perniagaan yang dijangkakan mengalami kerugian atau keuntungan yang sedikit, insentif pelaburan yang ideal adalah elaun pelaburan cukai berbanding status perintis. Tempoh perintis mungkin hampir tamat sebelum syarikat sempat membuat keuntungan. Memandangkan elaun pelaburan cukai yang boleh diserap disebabkan oleh kekurangan pendapatan boleh dibawa ke hadapan untuk digunakan pada tahun yang berikutnya.

Koridor Raya Multimedia (*Multimedia Super Corridor – MSC*)

Status Koridor Raya Multimedia diberikan kepada beberapa syarikat yang menjalankan operasi dalam sistem teknologi informasi (*designated Cybercities*) yang mematuhi kriteria yang ditetapkan oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia. Contohnya, Cyberjaya dan Menara Kembar Petronas. Antara insentif yang boleh diperolehi adalah:

- Status perintis dengan pengecualian cukai pendapatan selama 10 tahun.
- Elaun pelaburan cukai sebanyak 100% untuk 5 tahun yang akan dihapus kira dengan pendapatan berkanun sebanyak 100% ke atas belanja modal yang layak termasuk kos memperoleh multimedia dan peralatan, belian dan pembinaan dan pengubahsuaian bangunan.
- Pengecualian bagi pengurangan cukai pegangan ke atas bayaran yang dibuat kepada bukan residen.
- Pada tahun 2006, elaun bangunan industri adalah pada 10% bagi 10 tahun ke atas bangunan baru yang dimiliki di Cyberjaya.

Elaun Pelaburan Semula (*Reinvestment allowance*)

Elaun pelaburan semula diberikan kepada belanja modal yang terlibat ke atas kilang, loji dan mesin yang digunakan di Malaysia bagi tujuan projek yang layak. Ini adalah

merupakan tambahan kepada elaun modal yang sedia ada. Elaun diberikan pada tahun di mana belanja itu terlibat pada kadar 60%. Ia boleh digunakan untuk pengecualian sebanyak 70% pendapatan berkanun perniagaan dan sebarang amaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke hadapan untuk kegunaan pada masa hadapan. Pengecualian cukai pendapatan boleh digunakan untuk bayaran pengecualian cukai dividen.

Produk Pengilangan dan Pertanian

Produk pengilangan dan pertanian boleh mendapat pengecualian bagi penambahan eksport. Pengecualian ini boleh dituntut oleh syarikat residen yang terlibat dalam pengilangan atau kegiatan pertanian. Pengecualian adalah berdasarkan peratus peningkatan eksport bagi tahun semasa atas tahun sebelumnya pada kadar berikut:

Bagi produk kilang

- Peningkatan eksport sebanyak 50%, kadar pengecualian adalah 15%.
- Peningkatan eksport antara 30% hingga 50%, kadar pengecualian adalah 10%.
- Peningkatan eksport tidak melebihi 30%, tiada pengecualian yang boleh dituntut.

Bagi pertanian, pengecualian adalah pada kadar 10% untuk sebarang peningkatan eksport. Pengecualian ini bagaimanapun tidak diberikan sekiranya syarikat telah menuntut insentif yang lain seperti status perintis, elaun pelaburan cukai dan elaun pelaburan semula.

Syarikat yang Mempromosikan Perkhidmatan Eksport

Bagi syarikat residen yang mempromosikan perkhidmatan eksport layak untuk mendapatkan potongan dua di mana belanja yang terlibat kecuali belanja yang terlibat di luar negara. Antara belanja yang terlibat adalah:

- Penyelidikan pasaran.


- Penyediaan model dan tender.
- Penyediaan teknikal informasi.
- Tiket penerbangan ke luar negara.
- Iklan dan publisiti di luar negara.

Belanja Penyelidikan

Belanja penyelidikan yang bukan merupakan belanja modal adalah layak untuk mendapatkan potongan dua kali. Namun, perbelanjaan itu haruslah mendapatkan kelulusan bagi membolehkan syarikat membuat tuntutan potongan dua kali. Bagi belanja penyelidikan yang melibatkan modal seperti loji, mesin dan bangunan, syarikat layak untuk mendapatkan elaun pelaburan cukai. Bagi penyelidikan dalaman, 50% belanja modal yang layak selama 10 tahun dihapus-kira hingga 70% pendapatan terlaras.

Namun bagi kontrak penyelidikan syarikat pembangunan 100% belanja modal yang layak selama 10 tahun dihapus-kira sehingga 70% pendapatan terlaras. Belanja modal yang melibatkan loji dan mesin dan bangunan juga layak untuk menuntut elaun modal.

Kesimpulan

Dengan persekitaran perniagaan yang kompetitif dan peningkatan kos dalam perniagaan, para usahawan perlu memikirkan langkah untuk menjimatkan aliran tunai keluar. Pihak kerajaan melalui ACP 1967 telah memberi banyak insentif yang boleh dimanfaatkan oleh para usahawan untuk mengurangkan aliran tunai keluar terutamanya dari segi penji-matan pembayaran cukai. 

Ruangan Soal Jawab

Bersama Encik Salihin Abang

SOALAN

Baru-baru ini syarikat saya telah didatangi sepasukan pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri dan memperkenalkan diri mereka daripada unit penyiasatan LHDN. Mereka telah mengambil hampir kesemua dokumen daripada pejabat saya dan juga telah memeriksa rumah kediaman saya. Pihak LHDN juga telah memberi borang penyata modal dan menyuruh saya untuk mengisi borang tersebut. Soalan saya, apakah borang yang telah diberi dan bagaimanakah cara saya untuk mengisi borang tersebut?

Mohd Helmi,
Country Heights, Kajang.

JAWAPAN

Di bawah S.79 dan S.81 ACP 1967, pihak LHDN mempunyai kuasa untuk mengemukakan Penyata Modal (Capital statement) jika pihak LHDN berpendapat ada pelarian cukai oleh individu. Penyata Modal adalah salah satu kaedah oleh pihak LHDN untuk mengetahui sama ada pendapatan yang diikrarkan kepada LHDN adalah sepadan dengan pendapatan yang diperolehi oleh individu untuk sesuatu tempoh penyiasatan. Pihak LHDN akan mengeluarkan Borang C.P 102 dan 103 yang mengkehendaki individu terbabit menyediakan satu penyata penuh dan lengkap mengenai semua harta dan tanggungan isteri/isteri-isteri dan anak-anak di bawah tanggungan, perniagaan yang terletak di mana-mana sahaja sama ada atas nama individu tersebut atau atas nama yang dicalonkan. Individu terbabit juga dikehendaki menyediakan penyata perbelanjaan persendirian dan sara hidup keluarga. Di samping itu juga, individu terbabit dikehendaki menyediakan semua penyata bank, baucer simpanan wang, keratan cek atas nama individu, isteri atau anak-anak dan semua simpanan atau pinjaman.